

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 0300, Khamis, 29 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

LAPORAN INTERIM BANCII PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 menunjukkan 97.9 peratus pegangan Pertanian diusahakan individu, golongan berumur 60 tahun dan ke atas mendominasi sektor Pertanian

SERDANG, 29 MEI 2025 - Majlis Peluncuran Laporan Interim Banci Pertanian 2024 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor. Banci Pertanian 2024 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bertujuan untuk mendapatkan data asas yang komprehensif bagi sektor pertanian. Hadir bersama ke majlis ini adalah YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024. Turut hadir adalah YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi dan YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah selesai melaksanakan Banci Pertanian 2024 bermula pada 7 Julai hingga 31 Disember 2024 iaitu meliputi pengumpulan data di lapangan dan prosesan data. Kejayaan Banci Pertanian 2024 ini adalah hasil kolaborasi dan kerjasama strategik antara DOSM dengan 1,390 pelbagai Kementerian dan Agensi serta Kerajaan Negeri. Antara Kementerian dan Agensi utama adalah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Pertanian dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Kemajuan Wilayah Sarawak (M-FICORD) dan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI). Kerjasama ini bermula daripada peringkat awal penentuan konsep, liputan banci, pembangunan soal selidik, operasi dan proses validasi dan analisis data. Kerjasama yang terjalin erat ini menjamin penghasilan data yang berintegriti dan reliabel. Justeru, “DOSM merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan atas kepercayaan kepada DOSM untuk mengetuai pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan saya juga merakamkan penghargaan tertinggi atas perantaraan saya sebagai Pesuruhjaya Banci Pertanian ke-4.” kata YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia.

Dalam majlis peluncuran ini, DOSM telah menerbitkan 15 laporan Interim merangkumi laporan interim bagi sektor pertanian yang memaparkan statistik bagi keseluruhan sektor pertanian dan lima subsektor iaitu Tanaman (Agrikomoditi dan Agromakanan), Ternakan, Perikanan, Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan. Selebihnya 14 laporan Interim Banci Pertanian 2024 khusus Kelapa Sawit; Getah; Padi; Nanas; Kenaf; Koko; Lada; Buah-Buahan; Sayur-Sayuran; Tanaman Lain; Ternakan; Perikanan; Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan. Kandungan laporan ini meliputi enam parameter utama iaitu profil pegangan pertanian, keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan.

Dalam memperkukuh pengurusan data pertanian bersepadu melalui pendigitalan, Sistem Integrasi Pangkalan Data Digital Pertanian (TaniStats) merupakan langkah tepat selaras dengan inisiatif dasar keterbukaan dan perkongsian data rasmi di portal rasmi kerajaan. TaniStats merupakan satu *game changer* bagi banci pertanian, iaitu satu sistem yang mengandungi pelbagai data daripada semua agensi serta pemain utama dalam sektor

pertanian. Antara data yang dimuatkan ialah Data Banci Pertanian 2024, statistik sektor hulu dan hiliran, indikator keterjaminan makanan, papan pemuka MyAgroPrice dan statistik pertanian lain. Pembangunan TaniStats bertujuan menyediakan data sektor pertanian yang menyeluruh di bawah satu hab bersepadu. Sistem ini membolehkan pengumpulan data yang lebih menyeluruh, tepat pada masanya dan boleh dipercayai. Sistem ini juga akan mengintegrasikan semua data pertanian di mana kemas kini akan dilakukan secara berkala antara agensi pertanian dan digunakan sebagai rujukan untuk pembuatan dasar, perancangan pembangunan dan pengukuran pencapaian sektor masing-masing. Dengan teknologi digital dan analisis data raya, TaniStats akan memperkukuh perancangan strategik, meningkatkan kecekapan rantai bekalan, serta memastikan pembangunan sektor pertanian yang lebih mampan dan berdaya saing.

MyAgroPrice merupakan platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini mengenai harga produk pertanian terpilih di tiga peringkat rantai bekalan, iaitu ladang, borong dan runcit mengikut negeri dan peringkat daerah pentadbiran terpilih. MyAgroPrice adalah satu inovasi yang menyediakan maklumat mengenai paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh digunakan oleh pengguna untuk membuat keputusan kepenggunaan. Di samping itu, pembuat dasar boleh menggunakan maklumat harga di platform MyAgroPrice untuk menentukan intervensi yang sesuai bagi keselamatan bekalan dan harga produk pertanian. MyAgroPrice akan diperluas liputan maklumat harga melalui kerjasama dengan pelbagai agensi pembekal data. MyAgroPrice boleh diakses melalui pautan <https://tanistats.dosm.gov.my/>.

DOSM turut menerbitkan tiga laporan khas yang menyentuh mengenai rantai pertanian dan keterjaminan makanan negara. Laporan tersebut adalah Menelusuri Rantai Pertanian Malaysia Dari Hulu ke Hiliran, Laporan Awalan Indikator Keterjaminan Makanan Malaysia 2025 dan Laporan Khas Bawang, Daging dan Kelapa.

Laporan-laporan ini menyediakan maklumat dan analisis statistik mengenai Bawang, Daging dan Kelapa yang merangkumi pengeluaran domestik, Kadar Sara Diri (*Self Sufficiency Ratio, SSR*), Kadar Kebergantungan Import (*Import Dependency Ratio, IDR*) dan statistik harga purata. Laporan ini berfungsi sebagai rujukan dan memberikan

maklumat untuk memahami dan mendalami aspek bekalan, penggunaan serta trend harga purata bagi setiap komoditi tersebut.

Satu Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara telah ditubuhkan bagi menyelaraskan strategi dan pelan tindakan dalam menangani isu keterjaminan makanan negara untuk jangka pendek, sederhana dan panjang. Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Dasar Sekuriti Makanan Negara bagi memantau hala tuju strategik, isu dan cabaran berkaitan keterjaminan makanan. Di bawah jawatankuasa eksekutif ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai Kluster Indikator Keterjaminan Makanan. Kluster ini dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan indikator keterjaminan makanan dan membangunkan indeks keterjaminan makanan. Sehubungan itu, Laporan Awalan Indikator Keterjaminan Makanan Malaysia 2025 dilancarkan pada hari ini. Laporan penuh akan diterbitkan pada suku ketiga tahun 2025 dan Indeks Sekuriti Makanan dijangka akan dikeluarkan pada suku kedua tahun 2026.

Penemuan daripada Laporan Interim Banci Pertanian 2024 akan menjadi rujukan baharu untuk sektor pertanian. Maklumat ini akan memberikan input penting kepada Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), Dasar Agromakanan Negara (DAN2.0) 2021-2030, Dasar Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021-2030 dan Pelan Tindakan Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2021-2025. Banci Pertanian 2024 juga akan menjadi rujukan teknikal penting bagi pihak berkepentingan dan semua pihak yang terlibat.

Dapatan Interim Banci Pertanian 2024

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “berdasarkan bancian, terdapat 1,030,020 pegangan pertanian yang direkodkan dengan 1,008,829 pegangan pertanian individu yang meliputi kira-kira 97.9 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian di Malaysia. Manakala, pegangan pertanian yang diuruskan oleh pertubuhan adalah sebanyak 21,191 pertubuhan. Profil ini menunjukkan bahawa 258,129 daripada individu terlibat dalam penanaman tanaman makanan seperti padi, sayuran dan buah-buahan manakala 623,365 individu mengusahakan tanaman komersial seperti kelapa sawit dan getah. Sebanyak 43,816 individu pula terlibat dalam penternakan, 8,407 individu terlibat aktiviti akuakultur, 48,267

individu terlibat aktiviti perikanan dan 7,930 individu terlibat dengan aktiviti perhutanan & pembalakan.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menjelaskan bahawa, secara keseluruhan jumlah pegangan pertanian individu terdiri daripada 753,139 lelaki (74.7%) manakala 255,690 (25.3%) adalah perempuan. Dari segi struktur kumpulan umur, majoriti pegangan pertanian di Malaysia adalah dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas iaitu 458,263 orang (45.4%), diikuti kumpulan umur 46 hingga 59 tahun 326,287 orang (32.4%), kumpulan umur 31 hingga 45 tahun 190,952 orang (18.9%) dan kumpulan umur 15 hingga 30 tahun adalah 33,207 orang (3.3%). Sabah merekodkan komposisi kumpulan umur 15 hingga 30 tahun tertinggi sebanyak 6,180 individu, diikuti dengan Perak (5,149 individu) dan Sarawak (3,583 individu). Bagi kumpulan umur 60 tahun dan ke atas, Sarawak mencatatkan komposisi tertinggi sebanyak 63,452 individu, diikuti dengan Kedah (61,886 individu) dan Sabah (57,007 individu).

Data ini mencerminkan kebergantungan tinggi sektor pertanian Malaysia kepada petani warga emas, dengan 45.4 peratus individu berumur 60 tahun dan ke atas, manakala hanya 142,888 golongan muda (berumur antara 15 hingga 40 tahun) yang terlibat dalam sektor ini. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar, termasuk kekurangan tenaga kerja, kesukaran dalam penerimaan teknologi moden, dan keperluan untuk meremajakan sektor ini. Sehubungan itu, adalah penting untuk menggalakkan golongan muda menceburi kerjaya dalam bidang pertanian bagi memastikan kelestarian jangka panjang dan keselamatan makanan negara.

Guna tenaga dalam konteks Banci Pertanian 2024 merujuk kepada individu yang bekerja dengan pengusaha, sama ada individu tersebut merupakan sebahagian daripada pegangan individu ataupun pertubuhan. Guna tenaga dalam Banci Pertanian diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, Pekerja Keluarga Tanpa Gaji dan Pekerja Bergaji.

Jumlah keseluruhan guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti Pertanian di Malaysia adalah seramai 1,784,640 orang. Daripada jumlah ini, 50.0 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga yang aktif (891,481 orang) manakala 37.3 peratus (665,205 orang) terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 226,380 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa

Gaji. Dari segi pecahan pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga yang direkodkan adalah sebanyak 1,360,168 orang. Manakala bagi pegangan pertanian oleh pertubuhan pula, jumlah guna tenaga adalah seramai 424,472 orang. Tiga negeri teratas mencatatkan jumlah guna tenaga adalah Sabah dengan jumlah 325,805 orang, Sarawak (324,567 orang) dan Pahang (198,336 orang). Jumlah guna tenaga tertinggi dalam dapatan Banci Pertanian 2024 adalah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti penanaman kelapa sawit iaitu 859,374 orang. Ini diikuti dengan penglibatan guna tenaga dalam aktiviti penanaman getah (406,883 orang) dan penanaman buah-buahan (166,618 orang).

Parameter Utama Banci Pertanian 2024

Ketua Perangkawan juga menyatakan bahawa kawasan tanaman yang dilaporkan adalah 7.5 juta hektar. Tanaman utama adalah kelapa sawit, meliputi 5.8 juta hektar, diikuti oleh getah pada 0.7 juta hektar, padi pada 0.5 juta hektar, dan tanaman lain pada 0.1 juta hektar.

Jumlah Pengeluaran

Jumlah pengeluaran untuk subsektor tanaman pada tahun 2023 berjumlah 103.4 juta tan. Daripada jumlah ini, pengusaha individu menyumbang 19.2 juta tan, manakala pegangan pertanian pertubuhan menghasilkan 84.2 juta tan. Dalam subsektor ternakan, jumlah pengeluaran untuk ayam dan itik adalah 1.0 bilion. Pengeluaran babi adalah 1.8 juta, manakala lembu dan kerbau berjumlah 313.6 ribu. Sektor ternakan juga menghasilkan 14.7 bilion telur dan 47.5 juta liter susu segar, termasuk susu lembu, kerbau dan kambing.

Sektor perikanan pula mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 1.1 juta tan pada tahun 2023, yang terdiri daripada dua zon utama iaitu zon marin dan darat. Pegangan pertanian individu merekodkan pengeluaran yang lebih tinggi iaitu 910.1 ribu tan metrik (82.8%) berbanding pegangan pertanian pertubuhan iaitu 189.5 ribu tan metrik (17.2%). Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 484.3 ribu tan metrik yang merangkumi Air Payau sebanyak 372.7 ribu tan metrik dan Air Tawar sebanyak 111.6 ribu tan metrik. Selain itu, pengeluaran baka dan benih ikan serta ikan hiasan yang

diukur dengan jumlah ekor mencatatkan kuantiti pengeluaran 6.2 bilion ekor. Sementara itu, pengeluaran aktiviti Pembalakan mencapai 6.6 juta meter padu.

Kuantiti Jualan

Jumlah kuantiti jualan bagi subsektor tanaman berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024 adalah sebanyak 102.3 juta tan metrik. Bagi pegangan pertanian individu, jumlah kuantiti jualan yang direkodkan ialah 17.9 juta tan metrik, manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan jumlah jualan sebanyak 84.1 juta tan metrik. Jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM117.8 bilion. Nilai ini merangkumi sumbangan nilai jualan daripada pegangan pertanian pertubuhan sebanyak RM85.8 bilion (72.8%) serta nilai jualan yang diterima oleh pegangan pertanian individu sebanyak RM32.1 bilion (27.2%). Bagi subsektor ternakan, kuantiti jualan ayam/itik yang direkodkan ialah 915.1 juta ekor. Sementara itu, kuantiti jualan bagi babi ialah 1.6 juta ekor dan lembu/kerbau sebanyak 260.0 ribu ekor. Pengeluaran hasil ternakan turut mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 13.9 bilion biji telur dan 46.5 juta liter susu segar termasuk susu lembu, kerbau dan kambing. Subsektor ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM24.8 bilion.

Jumlah kuantiti jualan hasil perikanan tangkapan Malaysia direkodkan sebanyak 1.1 juta tan metrik pada tahun 2023. Manakala, nilai jualan hasil perikanan tangkapan direkodkan sebanyak RM10.8 bilion. Bagi subsektor akuakultur, jumlah kuantiti jualan mencapai 465.4 ribu tan metrik yang merangkumi air payau dan air tawar. Sementara itu, kuantiti jualan bagi benih dan baka ikan serta ikan hiasan direkodkan sebanyak 1.6 bilion ekor. Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa subsektor akuakultur telah menjana nilai jualan sebanyak RM4.4 bilion pada tahun 2023. Bagi aktiviti hasil hutan bukan kayu, kuantiti jualan adalah 4.9 ribu tan metrik dengan jumlah nilai jualan sebanyak RM67.4 juta. Sementara itu, aktiviti pembalakan mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 6.0 juta meter padu dengan nilai jualan RM3.8 bilion.

Prestasi Keseluruhan Sektor Pertanian

Kelapa Sawit

Ketua Perangkawan Malaysia turut memperincikan prestasi keseluruhan sektor pertanian dengan menyatakan bahawa subsektor tanaman didominasi oleh aktiviti kelapa sawit yang mencatatkan jumlah 95.1 juta tan metrik. Negeri-negeri yang mencatatkan sumbangan pengeluaran tertinggi ialah Sarawak (22.6 juta tan metrik), Sabah (22.4 juta tan metrik) dan Pahang (15.5 juta tan metrik). Tanaman kelapa sawit meliputi kawasan seluas 5.8 juta hektar, menjadikan tanaman ini sebagai tanaman komoditi terbesar di Malaysia. Sarawak merekodkan kawasan ladang terbesar dengan lebih daripada 1.7 juta hektar, iaitu 28.8 peratus daripada keseluruhan keluasan tanaman kelapa sawit di negara ini, menjadikan Sarawak sebagai negeri utama dalam pengeluaran kelapa sawit. Sementara itu, Sabah merupakan negeri dengan keluasan ladang kedua terbesar meliputi 1.5 juta hektar, menyumbang hampir 25.9 peratus kepada keseluruhan ladang kelapa sawit di Malaysia. Pahang mencatatkan keluasan terbesar di Semenanjung Malaysia, iaitu lebih 0.8 juta hektar, diikuti oleh Johor 0.7 juta hektar.

Getah

Getah merupakan antara tanaman komoditi utama di Malaysia. Dapatan banci pertanian menunjukkan jumlah keseluruhan keluasan bertanam getah adalah 717.3 ribu hektar, yang merangkumi 622.1 ribu hektar kawasan matang dan 95.2 ribu hektar kawasan tidak matang. Manakala, kuantiti pengeluaran getah pula mencatatkan 423.7 ribu tan metrik. Bagi keluasan bertanam estet, Sabah menunjukkan keluasan bertanam getah tertinggi dengan 26.8 ribu hektar (23.6%) daripada keseluruhan keluasan bertanam estet negara. Ini diikuti oleh Kelantan 19.2 ribu hektar (17.0%) dan Pahang 18.2 ribu hektar (16.1%). Bagi pegangan pertanian individu pula, Sabah kekal mencatatkan nilai tertinggi keluasan bertanam 192.9 ribu hektar (31.9%) dari keseluruhan keluasan bertanam di Malaysia. Ini diikuti dengan Kedah 70.4 ribu hektar (11.6%) dan Kelantan 70.0 ribu hektar (11.6%). Statistik Estet Getah menunjukkan bahawa keluasan bertanam getah di Malaysia telah menurun daripada 1.54 juta hektar pada 1960 kepada 717.3 ribu hektar pada 2023. Seiring dengan penurunan kawasan yang ditanam, pengeluaran getah juga menurun kepada 423.7 ribu tan metrik pada tahun 2023 berbanding 1.52 juta tan metrik pada 1980.

Padi

Hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan seramai 208,053 individu dan pertubuhan terlibat dalam aktiviti penanaman padi di Malaysia. Seramai 174,810 merupakan pesawah aktif yang melaksanakan aktiviti penanaman padi pada tahun 2023 manakala 33,073 pesawah melaporkan tidak menjalankan aktiviti tersebut bagi tahun yang sama. Di kalangan pesawah aktif, terdapat seramai 125,976 pesawah yang bertanam bagi tujuan jualan dikenali sebagai pegangan pertanian individu tanaman padi, manakala 48,834 pesawah merupakan pesawah yang menanam padi untuk kegunaan sendiri atau sara diri. Selain pegangan pertanian individu, terdapat 170 pertubuhan yang turut melaksanakan aktiviti penanaman padi bagi tujuan jualan. Secara keseluruhan, pegangan pertanian tanaman padi di Malaysia berjumlah 126,146 pada tahun 2023.

Pesawah yang mengamalkan penanaman padi secara sara diri (48,834 orang) menggunakan hasil tanaman semata-mata untuk keperluan keluarga sendiri tanpa dijual ke pasaran. Sarawak merekodkan bilangan tertinggi bagi amalan sara diri dengan 22,728 orang. Ini diikuti Sabah dengan bilangan pesawah sara diri 12,510 orang dan Kelantan dengan 10,557 orang. Walaubagaimanapun, perbandingan antara negeri Kelantan merekodkan peratusan tertinggi iaitu 62.6 peratus pesawah sara diri daripada jumlah pesawah di Kelantan.

Tanaman padi merupakan komponen penting dalam industri pertanian di Malaysia kerana beras adalah makanan ruji utama rakyat. Namun, industri ini menghadapi cabaran dalam meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan kepada import dan memastikan keterjaminan makanan negara. Pada 2023, jumlah keluasan bertanam padi di Malaysia adalah 506.4 ribu hektar dengan sebahagian besar tertumpu di kawasan jelapang padi. Kawasan luar jelapang menyumbang sebahagian kecil hasil, namun sering menghadapi cabaran seperti akses kepada infrastruktur pertanian dan pengairan yang terhad. Keluasan tanah sawah semakin mengecil akibat penukaran guna tanah kepada perumahan, perindustrian dan perladangan lain. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, kuantiti jualan padi adalah 1.7 juta tan metrik dengan nilai jualan RM2.4 bilion pada 2023.

Sayur-sayuran

Sayur-sayuran turut memainkan peranan penting dalam memastikan keterjaminan makanan dan menyumbang kepada ekonomi negara. Negeri yang merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi tanaman sayur-sayuran adalah Pahang (32.7 ribu hektar), Johor (21.4 ribu hektar) dan Kelantan (8.0 ribu hektar). Negeri pengeluar utama sayur-sayuran antaranya seperti berikut: Pahang terutama di kawasan Cameron Highlands, terkenal dengan pengeluaran tomato, sawi, kobis dan timun. Johor menyumbang kepada pengeluaran pelbagai jenis sayur-sayuran seperti sawi, bayam dan timun dan Kelantan terlibat dalam pengeluaran sayur-sayuran seperti tomato, timun dan labu manis.

Buah-buahan

Pada tahun 2023, jumlah pengeluaran buah-buahan telah mencapai 2.38 juta tan metrik, dengan keluasan bertanam sebanyak 206.2 ribu hektar. Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan Johor merupakan negeri pengeluar utama nanas, dengan jumlah pengeluaran 351.2 ribu tan metrik. Selain itu, Johor turut merekodkan pengeluaran durian 295.6 ribu tan metrik, diikuti pisang (114.5 ribu tan metrik) dan betik (45.5 ribu tan metrik). Pahang yang dikenali sebagai pengeluar utama durian, khususnya bagi varieti Musang King, merekodkan pengeluaran sebanyak 146.7 ribu tan metrik. Nanas turut menjadi buah utama di negeri ini dengan jumlah pengeluaran sebanyak 59.7 ribu tan metrik, diikuti oleh pisang (47.3 ribu tan metrik) dan tembikai (20.5 ribu tan metrik). Kelantan juga mencatatkan jumlah pengeluaran durian yang tinggi iaitu 72.3 ribu tan metrik. Kelantan turut merekodkan pengeluaran tembikai dengan 52.0 ribu tan metrik, pisang 47.0 ribu tan metrik dan rambutan 8.3 ribu tan metrik. Tiga negeri yang merekodkan keluasan bertanam terbesar bagi buah-buahan adalah Johor (49.7 ribu hektar), Pahang (31.7 ribu hektar) dan Sarawak (29.7 ribu hektar).

Tanaman Lain

Selain tanaman komoditi, buah-buahan dan sayur-sayuran, Banci Pertanian turut meliputi tanaman industri, tanaman kontan dan tanaman herba yang dikelaskan di dalam aktiviti tanaman lain. Secara keseluruhan, tanaman lain merekodkan jumlah keluasan bertanam 138.5 ribu hektar dengan kuantiti pengeluaran mencapai 1.5 juta tan metrik. Dapatan banci menunjukkan pengeluaran kelapa adalah yang tertinggi di bawah aktiviti tanaman

lain, diikuti penanaman bunga dan jagung manis. Industri penanaman kelapa pada tahun 2023 merekodkan pengeluaran 743.5 ribu tan metrik dengan keluasan bertanam 67.6 ribu hektar. Permintaan domestik yang stabil serta potensi eksport produk kelapa seperti santan, minyak kelapa dara dan kelapa parut dapat memberikan peluang untuk membugarkan semula industri kelapa negara. Seterusnya, industri penanaman bunga turut merekodkan pengeluaran yang tinggi iaitu 466.4 ribu tan metrik dengan sumbangan 31.4 peratus kepada keseluruhan kuantiti pengeluaran aktiviti tanaman lain. Keluasan kawasan penanaman bunga adalah 45.3 ribu hektar. Potensi industri bunga terutamanya bunga hiasan bergantung pada peningkatan permintaan domestik dan antarabangsa, perbelanjaan pengguna dan populariti bunga dalam pelbagai acara.

Ternakan

Ketua Perangkawan Malaysia menambah, subsektor ternakan memainkan peranan penting dalam memastikan bekalan protein negara mencukupi, selain menyumbang kepada ekonomi tempatan dan nasional. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup adalah sebanyak 1,520.8 juta ekor, dengan aktiviti penternakan ayam mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 968.6 juta ekor atau 63.7 peratus, diikuti oleh penternakan itik (34.3 juta; 2.3%) dan babi (1.8 juta; 0.1%). Ternakan utama yang diusahakan termasuk ayam, lembu, kambing, bebiri dan babi. Manakala bagi hasilan ternakan adalah telur ayam dan susu segar. Negeri pengeluar utama ayam pedaging dan ayam penelur adalah Johor, Selangor dan Perak yang juga merupakan negeri pengeluar utama ayam pedaging di Malaysia. Melaka dan Negeri Sembilan juga memainkan peranan penting dalam industri ini dengan ladang ternakan berskala besar yang membekalkan ayam pedaging kepada pasaran tempatan dan eksport. Pengeluaran telur ayam tertinggi dicatatkan di Johor, Perak dan Pulau Pinang, di mana ladang ayam penelur komersial dijalankan secara sistematik dan moden. Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang merupakan negeri utama dalam penternakan lembu dan kerbau, dengan banyak penternak menjalankan sistem lepas bebas atau separa fidlot. Sabah dan Sarawak juga mempunyai populasi lembu yang signifikan, dengan program fidlot dan penternakan secara integrasi sedang giat diperluaskan. Perak, Johor dan Selangor merupakan negeri utama dalam penternakan kambing, dengan beberapa ladang besar mengusahakan

ternakan untuk daging dan susu kambing. Pulau Pinang dan Perak adalah antara negeri utama dalam penternakan babi, dengan ladang moden yang dikendalikan secara berpusat.

Perikanan Tangkapan

Perikanan tangkapan merupakan salah satu sektor utama dalam industri perikanan Malaysia, menyumbang kepada bekalan ikan domestik serta eksport ke luar negara. Kedah dan Pulau Pinang merupakan negeri utama bagi perikanan tangkapan di pantai barat laut dengan jumlah pendaratan ikan yang tinggi. Kawasan seperti Kuala Kedah dan Pulau Pinang terkenal dengan perikanan laut dalam serta pendaratan ikan pelagik seperti kembung, selar dan tongkol. Jumlah pengeluaran keseluruhan adalah sebanyak 1.1 juta tan metrik.

Akuakultur

Akuakultur melibatkan penternakan ikan, udang, kerang-kerangan, dan rumpai laut di kawasan air tawar, payau serta laut. Banci Pertanian 2024 menunjukkan jumlah pengeluaran keseluruhan bagi ikan marin dan ikan air tawar adalah sebanyak 484.3 ribu tan metrik manakala bagi baka dan benih ikan serta ikan hiasan adalah 6.5 bilion ekor. Perak merupakan pengeluar utama ikan air tawar seperti tilapia dan patin, dengan kawasan ternakan utama di Bukit Merah dan Tanjung Tualang. Selangor terkenal dengan sistem penternakan moden untuk ikan marin, serta industri kerang-kerangan seperti kupang dan tiram di perairan Kuala Selangor. Negeri Sembilan semakin berkembang dalam penternakan ikan air tawar dan udang galah, terutama di kawasan pedalaman.

Perhutanan dan Pembalakan

Perhutanan dan pembalakan yang merangkumi pengeluaran dan jualan hasil bukan kayu dan kayu balak turut diliputi dalam banci pada kali ini. Sarawak, Pahang dan Sabah merupakan penyumbang terbesar dalam industri ini. Kayu-kayan utama adalah kayu belian, meranti merah muda, kelat, medang dan meranti seraya. Manakala hasil bukan kayu pula adalah seperti buluh, madu dan petai. Jumlah pengeluaran keseluruhan bagi aktiviti hasil bukan kayu adalah 5.4 juta kilogram, manakala aktiviti kayu balak pula sebanyak mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 6.6 juta meter padu.

Sorotan Dapatan Banci Pertanian

Sorotan Utama Banci Pertanian adalah seperti berikut:

- **Pegangan Pertanian Tua** - Dapatan banci menunjukkan majoriti pemilik pertanian adalah berumur 60 tahun ke atas (45.4%), manakala kumpulan umur 46 hingga 59 tahun merangkumi 32.3%. Fenomena ini menimbulkan kebimbangan terhadap kesinambungan aktiviti pertanian negara, terutamanya dalam aspek penggantian tenaga kerja dan pemindahan pengetahuan kepada generasi muda. Oleh itu, strategi pemodenan pertanian dan insentif kepada belia perlu diperkukuh untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian.
- **Jurang Produktiviti antara Pertubuhan dan Individu** - Banci ini turut mendedahkan bahawa pemilik pertanian berasaskan pertubuhan mencatatkan produktiviti yang jauh lebih tinggi berbanding pemilik individu, khususnya dalam tanaman seperti kelapa sawit, nanas dan koko. Ini menunjukkan kepentingan skala ekonomi, penggunaan teknologi dan tadbir urus yang lebih sistematik. Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh pegangan individu adalah keluasan tanah yang terhad, khususnya kurang daripada lima ekar. Saiz tanah kecil ini memberi kesan besar terhadap keberkesanan aktiviti pertanian dari segi hasil dan pendapatan serta memberi implikasi terhadap pembangunan sektor pertanian secara keseluruhan.
- **Industri Baharu Berpotensi Tinggi** - Dapatan banci menunjukkan terdapat potensi dalam penanaman tanaman baharu seperti kenaf, napier dan rumpai laut. Contohnya, kenaf mencatatkan keluasan tanaman sebanyak 1,497.0 hektar dengan pengeluaran 9,916.1 tan metrik, manakala napier direkodkan dengan keluasan 1,387.7 hektar dan pengeluaran 35,687 tan metrik. Industri-industri ini mempunyai potensi besar dari segi nilai tambah, eksport dan pengeluaran produk hiliran, di mana rantai bekalan perlu diperkukuhkan bagi memacu pertumbuhan segmen ini.
- **Potensi Industri Tanaman** - Industri tanaman seperti kopi, kelapa dan koko menunjukkan penurunan dari segi keluasan tanaman, produktiviti dan bilangan usahawan aktif. Namun, industri ini masih mempunyai nilai strategik yang penting

dan boleh dipulihkan melalui pendekatan moden, terancang dan bersepadu. Sebagai contoh, varieti kopi tempatan masih mendapat perhatian antarabangsa berikutan permintaan global terhadap kopi berkualiti tinggi. Koko, yang dahulunya antara eksport utama negara, kini hanya memainkan peranan kecil dalam sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi. Bagi industri kelapa, walaupun tidak lagi dianggap kompetitif, potensinya dalam menghasilkan produk nilai tambah tidak boleh diabaikan. Pemulihan industri ini boleh dicapai melalui mekanisasi dan pemodenan ladang untuk mengubah persepsi bahawa kelapa adalah tanaman tradisional kepada tanaman yang menguntungkan. Salah satu cabaran semasa ialah produktiviti yang rendah serta pengurangan kawasan tanaman daripada 84,936 hektar (sumber: DOA, 2022) kepada 67,623.2 hektar (sumber: Banci Pertanian 2024, 2023). DOA telah memperkenalkan pelbagai benih kelapa berproduktiviti tinggi seperti Matag, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf (MYD)* dan *Malayan Red Dwarf (MRD)*. Kerajaan turut meneroka langkah untuk meningkatkan pengeluaran kelapa tempatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import. Bagi tanaman nanas pula, satu hektar tanah secara puratanya boleh ditanam dengan 38,582 pokok nanas, menghasilkan pulangan sebanyak RM124,928.67 sehektar. Dengan tempoh pengeluaran buah selama 15 bulan, pemilik pertanian boleh memperoleh purata pendapatan bulanan sebanyak RM8,328.58 daripada penjualan nanas. Secara keseluruhan, nanas mencatatkan hasil dan pulangan tertinggi berbanding tanaman makanan lain.

- **Keluasan Tanaman Tidak Ekonomi** - Salah satu isu yang dihadapi oleh pemilik pertanian individu ialah keluasan tanah yang kecil, terutamanya di bawah lima ekar. Saiz lot yang kecil memberi kesan kepada keberkesanan aktiviti pertanian, terutamanya dari segi hasil tuaian. Perincian mengenai isu ini akan dianalisis lebih lanjut berdasarkan data dari banci pertanian.

Kesimpulannya, dapatan Banci Pertanian ini menjadi input penting kepada pembuat dasar dalam merangka langkah campur tangan berasaskan data, sekaligus memastikan sektor pertanian kekal mampan, berdaya saing dan inklusif untuk generasi akan datang.

Melangkah Ke hadapan

Melalui Banci Pertanian 2024, Malaysia kini mempunyai data *baseline* sektor pertanian yang terkini dan komprehensif di mana banci terakhir telah dijalankan 20 tahun yang lalu. Sebagai sebahagian daripada transformasi ke arah pengukuhan statistik pertanian, Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan striktur sektor pertanian negara. Survei jangka pendek baharu juga akan dijalankan bermula pada tahun 2026. Di samping itu, Papan Pemuka Geospasial (*Georeferencing*) untuk Tempat Kediaman dan Pertubuhan Pertanian akan dibangunkan untuk mengukuhkan lagi *Malaysia Statistical Address Register* serta *Malaysia Business Register* bagi sektor pertanian.

Menurut YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, DOSM juga akan menubuhkan Jawatankuasa TaniStats yang berperanan untuk menyelaraskan kerjasama antara agensi berkaitan dalam pembangunan, penyelenggaraan dan pemantauan sistem ini serta perkongsian data. Melalui jawatankuasa ini, Sistem TaniStats diharapkan dapat diperkasa sebagai sumber rujukan utama statistik pertanian negara yang menyokong perancangan strategik dan penggubalan dasar berasaskan bukti.

Sesi Libat Urus akan dianjurkan bersama pelbagai pemegang taruh bagi membincangkan dapatan Banci Pertanian 2024. Sesi ini berperanan sebagai platform untuk membincangkan isu berkaitan pertanian termasuk mengenai keterjaminan makanan. Diharapkan semua pihak berkaitan termasuk agensi kerajaan, institusi penyelidikan, para akademik, pemain industri dan petani dapat memanfaatkan statistik pertanian sepenuhnya dalam pembuatan keputusan serta menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian yang mampan dan berdaya saing.

Sektor pertanian kekal sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Ia bukan sahaja memainkan peranan dalam memastikan bekalan makanan yang mencukupi, malah turut menyumbang secara signifikan dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap import, menyokong industri pemprosesan, mewujudkan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan isi rumah, khususnya para petani. Melalui banci ini, statistik pertanian tersedia sehingga ke peringkat lokaliti terkecil sekali gus menyediakan maklumat di peringkat granular yang membolehkan pelaksanaan

intervensi yang lebih bersasar dan bersesuaian. Data sehingga ke peringkat terperinci ini akan menyokong perancangan dan pembuatan keputusan yang lebih berkesan oleh pihak berkepentingan dan seterusnya menyumbang kepada pemerkasaan semula dan pertumbuhan berterusan sektor pertanian negara.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Jumlah Pegangan Pertanian



Carta 2: Jumlah Pegangan Pertanian Mengikut Subsektor



Carta 3: Peratusan Pegangan Pertanian Mengikut Subsektor




Carta 4: Jumlah Pegangan Pertanian Mengikut Negeri, 2023



Carta 5: Jumlah Pegangan Pertanian Mengikut Negeri, 2023



Carta 6: Jumlah Pegangan Pertanian Mengikut Kumpulan Umur, 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
29 MEI 2025**

Embargo: Only to be published or disseminated at 0300 hour, Thursday, May 29th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

INTERIM REPORT AGRICULTURE CENSUS 2024

The 2024 Agricultural Census revealed that 97.9 per cent of agricultural holdings were managed by individuals, with the agricultural sector being largely dominated by the age group 60 years and over

SERDANG, MAY 29, 2025 - The Launching Ceremony of the Interim Report of the 2024 Agriculture Census (Banci Pertanian 2024) was officiated by YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Deputy Prime Minister and Minister of Energy Transition and Water Transformation (PETRA). The event took place at the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Selangor. The Agriculture Census 2024, conducted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM), aims to obtain a comprehensive baseline data of agricultural sector. Also present at the ceremony were YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Deputy Minister of Agriculture and Food Security and YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Chief Statistician of Malaysia and Commissioner of the 2024 Agriculture Census. Also in attendance were YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron, Secretary-General of the Ministry of Economy and YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Secretary-General of Ministry of Energy Transition and Water Transformation.

